

12 DEC 2000

PETRONAS-PROTON

SINERGI BARU DARIPADA PEMILIKAN SAHAM PROTON OLEH PETRONAS

KUALA LUMPUR, 12 Dis (Bernama) -- Dengan Tan Sri Mohd Hassan Marican kini di tempat pemandu Perusahaan Otomobil Nasional Bhd (Proton), persoalannya sekarang ialah apakah jenis sinergi yang boleh dihasilkan daripada pembelian oleh syarikat minyak kebangsaan terhadap saham pengeluar kereta kebangsaan.

Kedua-dua syarikat telahpun terlibat dalam memajukan teknologi enjin kereta. Ini bermakna langkah-langkah kini perlu diambil untuk memoptimumkan sumber-sumber mereka dan pembangunan teknologi.

Penganalisis berkata memandangkan saiz ekuiti Petronas yang besar dalam Proton, sumber kewangan syarikat minyak yang besar itu boleh membantu pengeluar kereta memajukan teknologinya sendiri.

Kedua-dua syarikat minyak kebangsaan, menerusi kerjasamanya dengan pasukan lumba Formula One (F1) Sauber AG dari Switzerland, dan Proton yang memiliki pembuat kereta sport Lotus dari United Kingdom, kini memajukan teknologi kejuruteraan automotifnya sendiri.

Potensi kerjasama antara Petronas dan Proton disahkan oleh Hassan pada November 1998 di mana beliau telah berkata kedua-dua syarikat itu berpeluang untuk meningkatkan nilai antara satu sama lain menerusi berbagai kerjasama dan penglibatan, khususnya dalam aspek-aspek kejuruteraan, dan penglibatan Petronas dalam perlumbaan F1.

Petronas telah memasuki bidang automotif sejak kebelakangan tahun lepas secara besar-besaran kerana ia tidak berpuas hati hanya untuk menjadi pembekal bahan api automotif, penerbangan dan simpanan.

Beberapa tahun lepas, ia berpakat dengan Sauber untuk membentuk Sauber Petronas Engineering (SPE) untuk bekerjasama bagi memajukan teknologi-teknologi kejuruteraan F1 dalam sektor petrokimia dan automotif yang boleh dikomersialkan di seluruh dunia.

Salah satu objektifnya usahasama ini adalah untuk memberikan Petronas "peluang teknologi" dalam sektor petrokimia dan automotif.

Setakat ini, kerjasama itu telah membolehkan Petronas mengeluarkan minyak enjin berprestasi tinggi yang berdasarkan kepada falsafah formula baru daripada komponen tambahan dan minyak asas terpilih.

Minyak enjin berprestasi tinggi, Petronas Synthium F1, kini digunakan oleh pasukan Sauber Petronas dalam perlumbaan-perlumbaan F1. SPE juga berhasrat untuk memperluaskan penggunaan minyak enjin kepada pasukan-pasukan perlumbaan yang berminat.

Petronas juga berharap teknologi yang didapati daripada pengeluaran minyak Synthium F1 akan membantunya mengeluarkan minyak enjin yang lebih baik untuk pasaran massa.

Setakat ini, SPE mempunyai 110 jurutera bekerja di Hinwil, Switzerland di mana lebih 30 daripadanya adalah dari Petronas.

Pakatan dengan Sauber juga telah membolehkan jurutera-jurutera Petronas belajar dan menguasai teknologi-teknologi baru dalam bidang enjin, "drivetrains, chassis, suspension, aerodynamics," bahan api dan pelincir.

Kemasukan Petronas ke bidang teknologi-teknologi maju petrokimia dan automotif ini difahami untuk mendapatkan faedah jangka panjang apabila ia dapat mengkomersialkan teknologi-teknologi ini untuk pasaran massa.

SPE juga telah memajukan enjin aluminium 2.0 liter (Petronas E01 engine) dengan tahap pengeluaran asap mematuhi piawaian antarabangsa yang ketat.

Pada GP Malaysia 1999 dan 2000, beberapa kereta rasmi Proton dipasang

dengan enjin Petronas sebagai pengenalan kepada usaha mengkomersialkan enjin itu.

Pembelian oleh Petronas juga bermakna bahawa syarikat minyak kebangsaan itu kini boleh menggunakan hubungan Proton dengan Lotus.

Kemasukan Petronas juga dijangka akan menyaksikan Proton mengurangkan pergantungannya kepada rakan niaganya dari Jepun, Mitsubishi Motors Corporation, yang telah menjadi rakan utama pada tahun-tahun awal penubuhan Proton pada pertengahan 1980-an.

Tetapi dengan persaingan yang semakin sengit, Proton telah bekerja keras untuk berdikari dan model terbarunya, Proton Waja, adalah bukti pencapaiannya.

Penganalisis lain melihat pembelian Petronas itu sebagai urusan korporat semata-mata di mana ia boleh menjual ekuitinya kepada syarikat-syarikat permotoran asing yang lain seperti Ford atau General Motors pada masa depan.

Ini kerana Kawasan Perdagangan Bebas Asean yang menjadi kenyataan di mana petronas mungkin mahu menjual kepentingannya kepada salah satu syarikat Amerika itu agar Proton dapat menembusi pasaran Amerika dan Eropah.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Mei lepas bahawa Proton kini meninjau kemungkinan mengadakan pertukaran teknologi atau bentuk-bentuk lain perkongsian dengan gergasi-gergasi auto termasuk Chrysler-Daimler, Ford dan GM.

Dengan persaingan global yang semakin sengit, Proton menghadapi cabaran utama, khususnya dengan gergasi-gergasi auto bergabung antara satu sama lain untuk menjadi entiti yang lebih besar.

Penggabungan-penggabungan ini membolehkan mereka mengeluarkan kereta dengan jumlah yang banyak dan membuat pelaburan besar dalam teknologi-teknologi baru di mana Proton tidak mampu berbuat sedemikian bersendirian.

Dr Mahathir pernah berkata Proton meninjau kemungkinan kerjasama dengan syarikat-syarikat kereta gergasi untuk persekitaran menguntungkan semua pihak.

Tetapi beliau juga menegaskan "kita tidak mahu menjual Proton".

Pada masa yang sama, adalah menarik untuk menyaksikan apa yang Petronas akan lakukan dengan ekuitinya di dalam Proton.

-- BERNAMA

MR/SHY/DVS SHY JR MA